

Asas Pendidikan Islam Menurut Pemikiran Sadīd Al-Dīn Muḥammad Al-Kashghāri
(M.705/1305): Satu Kajian Terhadap *Ṭalibah Al-Ṭalabah Fī Ṭarīq Al-‘Ilm Li Man Ṭalabah*

Islamic Educational Foundation Based On Sadīd Al-Dīn Muḥammad Al-Kashghāri’s (M.705/1305)
Thought: A Study On *Ṭalibah Al-Ṭalabah Fī Ṭarīq Al-‘Ilm Li Man Ṭalabah*

MOHD ANUAR BIN MAMAT

ABSTRAK

Terdapat pelbagai buku dan karya pendidikan dihasilkan sepanjang sejarah Islam. Hal ini membuktikan perhatian serius para sarjana terhadap bidang tersebut. Karya-karya tentang ilmu, adab dan pendidikan Islam seterusnya menjadi sumber rujukan kepada pelaksanaan sistem pendidikan Islam sepanjang zaman. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan salah satu kitab yang amat penting dan belum didedahkan dengan sebaiknya bertajuk *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah*. Setakat ini, manuskrip ini belum dikaji dan diperkenalkan kepada khalayak pembaca termasuklah perihal kodikologi, sejarah, kepengarangan dan juga kandungan berkait tema pendidikan. Begitu juga perihal pengarangnya Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī, maklumat terhadap latar belakang beliau adalah terhad sedangkan pemikiran dan sumbangan beliau didapati bukan sahaja berkembang di Kashgar, malah terdapat pengaruhnya di Mekah, Yaman dan juga alam Melayu. Oleh itu, artikel ini mengemukakan latar biografi pengarang dan juga beberapa asas pendidikan Islam menurut beliau dalam kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah* berdasarkan kaedah analisis kandungan. Dua tema utama dikemukakan, iaitu mengenai matlamat dan tujuan belajar serta konsep ilmu dan kurikulum pendidikan Islam. Kajian mendapati dalam kedua-dua aspek tersebut pemikiran beliau selaras dengan tokoh pendidikan Islam sebelumnya, khususnya al-Zarnūjī dan al-Ghazālī. Diharapkan dengan kajian ini pemikiran dan karya al-Kashgarī ini dapat diperkenalkan seterusnya membawa kepada banyak kajian lanjutan berkaitan topik ini.

Kata kunci: *Ṭalibah al-Ṭalabah*; al-Kashgarī; kajian manuskrip; pendidikan Islam

ABSTRACT

Various books and treatises about education have been produced throughout Islamic writing history. This development shows that Islamic scholars are paying serious attention to education. Their works on knowledge, ethics and Islamic education have become primary resources for implementing education throughout the ages until now. Therefore, this article will discuss one of the most incredibly important and has not been well-studied in Islamic education, namely *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah*. This manuscript has not yet been studied and acknowledged to the reader, including codicology, history, authorship and educational theme. In addition, the writing on the background of the author, Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī is also limited. In contrast, his contribution is not specified in his country, Kashgār; but also Mecca, Yamen and the Malay world. Thus, this article is expected to expose the author’s biography and discuss al-Kashgarī’s thoughts on Islamic educational foundation in his *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah* based on a content analysis method. Two main topics have been discussed: the aim and objective of learning and the knowledge and Islamic education curriculum. This study reveals that his thought on Islamic educational foundation was in line with previous Islamic scholars, especially al-Zarnūjī and al-Ghazālī. Thus, this article is expected to introduce Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī and his works on education that led to many further discussions on this topic.

Keywords: *Ṭalibah al-Ṭalabah*; al-Kashgarī; manuscript studies; Islamic education

PENDAHULUAN

Perhatian serius sarjana Islam terhadap pendidikan Islam dapat difahami dengan menelusuri perkembangan penulisan dan penghasilan karya. Karya-karya tentang ilmu, adab dan pendidikan Islam seterusnya menjadi sumber rujukan kepada pelaksanaan sistem pendidikan Islam termasuklah perancangan dan perkembangan pendidikan Islam masa hadapan.

Oleh demikian, penelitian ini meninjau perkembangan penulisan kitab yang membincangkan tentang pendidikan Islam seterusnya menganalisis asas-asas pendidikan Islam dalamnya. Kajian ini difokuskan kepada sebuah manuskrip bertajuk *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah*. Sehingga kini, manuskrip ini belum pernah dikaji dan diperkenalkan kepada khalayak pembaca. Ia boleh dianggap sebagai sebuah manuskrip yang nadir dan belum diperkatakan oleh pengkaji pendidikan Islam. Kajian kontemporari mengenai biografi penulis, sejarah kepengarangan, sejarah teks dan juga kandungannya juga amat terhad untuk diperolehi. Begitu juga, beberapa aspek pemikiran pendidikan Islam dalam karya tersebut juga belum didedahkan, meskipun pengarangnya, Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī merupakan antara tokoh sarjana Islam terkemuka abad ke-8H.


Ketokohan dan pemikiran Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī ini menurut pandangan al-Zirkilī (1999), al-Suyuti (1964), dan al-Baghdādī (1955) bukan sahaja berkembang di negara asalnya, Kashgar, malah pengaruh pemikirannya dapat diperhatikan di Mekah, Madinah, Yaman dan juga alam Melayu. Oleh itu, kajian mengenai asas-asas pemikiran pendidikan Islam beliau amat wajar dianalisis dan diketengahkan supaya ia dapat dirujuk dan dijadikan panduan kepada pelaksanaan sistem pendidikan Islam. Diharapkan penulisan ini dapat memperkenalkan pemikiran dan karya al-Kashgarī ini, seterusnya membawa kepada kajian lanjutan sama ada aspek manuskrip mahu pun sejarah

serta pemikiran pendidikan beliau secara lebih mendalam. Dapatan kajian ini pula amat bermanfaat dalam merangka pendidikan Islam pada masa depan yang selaras dengan tradisi dan pemikiran tokoh pendidikan Islam yang berwibawa.

LATAR BELAKANG SADĪD AL-DĪN MUḤAMMAD AL-KASHGARĪ

Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī merupakan salah seorang sarjana Islam yang meninggal dunia pada awal abad ke-8H. Berdasarkan carian literatur kajian lepas, masih belum banyak kajian yang mengkaji dan mendedahkan tentang latar belakang serta pemikiran beliau. Hal ini disebabkan maklumat tentang Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī ini agak terhad dan kedudukan beliau tidaklah semasyhur sarjana lain pada abad tersebut. Begitu juga dengan karya-karya yang beliau hasilkan, hampir semuanya belum mendapat perhatian daripada pengkaji sekarang, termasuklah karya berkaitan pendidikan Islam iaitu *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah*. Oleh itu, sebelum meneliti asas-asas pendidikan Islam berdasarkan pemikiran beliau, adalah lebih baik diperkenalkan dahulu biografi Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī ini.

Nama penuh beliau ialah Muḥammad bin Muḥammad bin al-Rashīd bin ‘Alī. Beliau dikenali juga sebagai Abū ‘Abd Allāh atau Sadīd al-Dīn dan diberi lakab al-Kashgarī sempena tempat kelahiran dan asal beliau di Kashgar (al-Zirkilī 1999; al-Suyuti 1964; al-Baghdādī 1955; Kaḥalah 1956). Tiada maklumat diperolehi setakat ini mengenai tarikh kelahiran Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī ini, hanya dikemukakan oleh pengkaji lepas beliau berasal dari Kashgar, iaitu sebuah bandar di sebelah barat China atau sekarang ini di timur Turkistan. Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī meninggal dunia pula pada tahun 705H/1305M di Yaman.



GAMBAR 1. Peta bandar Kashgar
(<http://arab-ency.com.sy/ency/details/9360>)

Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī merupakan seorang sarjana Islam yang mahir dalam pelbagai cabang ilmu pengetahuan seperti tafsir, hadith, sejarah, tasawuf, bahasa Arab dan sebagainya. Beliau dikatakan mendapat pendidikan awal di kampung halamannya, kemudian bermusafir menunaikan haji di Mekah. Setelah itu, Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī menetap dan belajar pula di Mekah dan Madinah sebelum pergi ke Yaman, menetap dan mengembangkan ilmu pengetahuan di Ta'iz sehingga meninggal dunia di Sāhil Muwazza', Yaman (al-Zirkilī 1999; al-Suyuti 1964; al-Baghdādī 1955; Kaḥalah 1956). Pengaruh pendidikan beliau di Mekah dan Yaman agak besar sehingga beliau asalnya mendalami mazhab Hanafi, namun setelah berada di Yaman beliau melazimi mazhab al-Shafi'ī seterusnya menjadi rujukan dalam mazhab tersebut. Bukti ketokohan beliau dalam mazhab al-Shafi'ī ialah terdapat sebuah kitab yang dikarang olehnya menjelaskan persoalan-persoalan utama fiqh berdasarkan mazhab al-Shafi'ī, iaitu *Majma' al-Gharā'ib wa Manba' al-Raghā'ib* sebanyak 4 jilid (Ibn Khallikan 1969).

Selaras dengan penguasaan dalam pelbagai disiplin ilmu dan ketokohan Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī, beliau menghasilkan beberapa buah kitab. Sebahagiannya dikemukakan oleh para sarjana Islam yang mengumpulkan kitab-kitab *turāth*, namun kebanyakannya masih dalam bentuk manuskrip. Antara kitab beliau ialah (al-

Zirkilī 1999; al-Suyuti 1964; al-Baghdādī 1955; Kaḥalah 1956):

1. Tāj al-Sa'ādah
2. Kitab al-Siyāqāt
3. Majma' al-Gharā'ib wa Manba' al-Raghā'ib
4. Mukhtaṣar Usd al-Ghābah fī Ma'rifah al-Ṣaḥabah
5. Munyah al-Muṣallī wa Ghunyah al-Mubtadī
6. Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-'Ilm li Man Ṭalabah.

Menurut al-Baghdādī (1978) karya Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī ini tidak terhad kepada enam kitab di atas sahaja, terdapat pelbagai karya lagi yang dihasilkan oleh beliau yang belum dijumpai termasuklah karya syarahan, ulasan, ringkasan dan suntingan terdapat kitab para sarjana zaman beliau. Setakat penulisan ini hampir kesemua kitab yang dihasilkan oleh Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī ini masih belum dikaji dan berstatus manuskrip. Hanya satu yang telah selesai dikaji dan ditahkik iaitu kitab *Munyah al-Muṣallī wa Ghunyah al-Mubtadī* (al-Kashgarī 2007).

MANUSKRIP ṬALIBAH AL-ṬALABAH FĪ ṬARĪQ AL-'ILM LI MAN ṬALABAH

Sebagaimana yang dikemukakan Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī merupakan seorang sarjana Islam dalam pelbagai disiplin ilmu termasuklah juga


pendidikan. Antara karya beliau tentang pendidikan Islam ialah *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah*. Kitab ini belum pernah dikaji dan diperkenalkan oleh para pengkaji sebelum ini. Kewujudan kitab ini diketahui apabila beberapa penelitian mendalam dibuat terdapat tokoh pemikir pendidikan Islam dan semakan terhadap katalog manuskrip secara khusus. Pengenalan dan nama kitab ini juga tidak disenaraikan oleh para pengkaji pendidikan Islam seperti Ahmad Shalabi (t.t.), Totah (1926), Nakosteen (1964), Gunther (2005), Murād (2003), al-Najādī (2012) dan juga Mohd Anuar (2019). Penulis hanya menemui manuskrip kitab ini setelah meneliti katalog manuskrip yang disimpan oleh Universiti King Sa‘ūd, Arab Saudi setelah beberapa lama menjejaki karya-karya nadir pendidikan Islam. Manuskrip tersebut buat masa ini merupakan satu-satunya rujukan kepada kitab ini dan ia digunakan untuk tujuan analisis pemikiran pendidikan dalam penulisan ini.

Nama kitab ini sebagaimana yang dikemukakan di atas ialah *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah*, ia juga disebut hanya *Ṭalibah al-Ṭalabah* sahaja (al-Zirkilī 1999; al-Suyuti 1964; al-Baghdādī 1955; Kaḥalah 1956). Istilah “*Ṭalibah*” ini boleh dibaca dengan beberapa sebutan seperti *Ṭalibah*, *Ṭulbah* atau pun *Ṭilbah*, ia juga seperti perkataan “*Kalimah*” yang boleh juga disebut “*Kilmah*” (al-Nasafī 1311H). Namun, berdasarkan sumber-sumber kitab bibliografi dan rujukan kamus Arab yang ada, bacaan yang agak tepat dan lancar pada sebutan ialah *Ṭalibah al-Ṭalabah*, seperti juga penggunaan perkataan “*Kalimah*” yang lebih masyhur daripada “*Kilmah*”.

Walaupun kitab ini agak asing, masih berstatus manuskrip serta belum lagi dicetak dan ditemui dalam penulisan para pengkaji pendidikan Islam

kontemporari, tetapi ia boleh dipastikan sebagai karya sah kepada Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī. Semua pengkaji yang mengumpulkan latar belakang sarjana dan karya mereka pada abad ke-8H memperkenalkan Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī sebagai salah seorang tokoh ilmuwan Islam dan salah satu karya beliau ialah *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah* (al-Zirkilī 1999; al-Suyuti 1964; al-Baghdādī 1955; Kaḥalah 1956). Hal ini jelas menunjukkan bahawa *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah* merupakan karya sah kepada Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī tanpa diragui lagi.

Mengenai manuskrip kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah* ini, hanya satu diketahui setakat ini. Ia disimpan dalam koleksi manuskrip adab/pendidikan oleh Universiti King Sa‘ūd, Arab Saudi dengan no rujukan 370.52. Manuskrip tersebut berada dalam keadaan baik, teks masih boleh dibaca secara jelas. Saiz manuskrip tersebut ialah 16x11cm, mempunyai 24 folio dengan dua bahagian (recto-verso), setiap muka surat mengandungi lebih kurang 12 baris. Terdapat kotoran pada halaman manuskrip namun tidak menjejaskan teks utama. Penulisannya baik dan menggunakan khat nasakh. Berdasarkan kolofon dan maklumat kodikologi, manuskrip ini bukannya tulisan asal Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī, ia merupakan salinan daripada naskhah yang tidak dapat dipastikan lagi. Manuskrip ini disalin oleh Nājī al-Ḥaddād dan selesai pada 1283H/1866M. Walaupun ia disalin agak lewat namun salinan beliau agak baik dan teks boleh dibaca dengan sempurna. Selain itu, terdapat beberapa komentar berupa pembetulan dan penjelasan pada tepi teks utama manuskrip (para teks).

GAMBAR 2. Contoh folio MSS *Ṭalibah al-Ṭalabah*.

Mengenai sumber penulisan kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-ʿIlm li Man Ṭalabah* ini, tiada kenyataan khusus daripada penulisan yang mengaitkan kitab ini dengan mana-mana karya sebelumnya. Namun, setelah diteliti kandungan dan tema perbincangan, kitab ini mirip dan bersumberkan karya terkenal pendidikan Islam iaitu *Taʿlīm al-Mutaʿallim Ṭarīq al-Taʿallum* karangan Burhān al-Dīn al-Zarnūjī (m.620H). Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī dalam menyiapkan kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-ʿIlm li Man Ṭalabah* ini beliau meringkaskan dan memilih isi penting daripada karya al-Zarnūjī sebelumnya. Walaupun tema dan kandungan kitab *Taʿlīm al-Mutaʿallim* masih dikekalkan, pengubahsuaian dan ringkasan serta pemilihan isi penting dibuat dengan baik oleh Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī. Beliau menggabungkan bilangan fasal karya al-Zarnūjī daripada 13 fasal kepada enam fasal sahaja. Empat fasal pertama dikekalkan, manakala fasal lima hingga 12 dalam teks asal digabungkan menjadi

fasal lima, manakala fasal 13 dalam teks asal diringkaskan menjadi fasal enam (al-Zarnūjī 1986).

Antara bukti penting peranan dan pengaruh karya Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī ini boleh dilihat melalui ulasan ilmuwan terhadapnya serta penyebarannya. Dalam hal ini, kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-ʿIlm li Man Ṭalabah* tersebar bukan sahaja di Kashgar, malah di Mekah, Madinah, Yaman sehinggalah ke alam Melayu. Dari sudut ulasan dan syarahan terhadapnya pula, antara yang terlengkap dan penting ialah ulasan yang dibuat oleh Muḥammad bin Ziyād al-Sharʿabī (m.1135H/1722M). Secara amnya, al-Sharʿabī masih mengekalkan pembahagian fasal dan teks yang diringkaskan oleh Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī, namun beliau turut menambah pelbagai bentuk penerangan, ulasan, komentar, perselisihan hukum mengikut dalil daripada al-Quran, hadith, riwayat, kisah para ulama dan sebagainya mengikut keperluan (M.Mustaqim & Mohd Anuar 2020).

Selain ulasan ini, juga terdapat satu lagi ulasan terhadap *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah* ini, ia ditulis oleh salah seorang sarjana di Yaman bernama Abū Bakr bin Abī al-Qāsim bin Aḥmad al-Aḥdal bertajuk *al-Fawā'id al-Muntakhabat min Kitāb Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah al-Mulaqqab bi al-Nafaḥāt al-Ṭayyibah*. Kedua-dua ulasan ini amat penting, namun ia boleh dikategorikan juga sebagai nadir dan hanya wujud dalam bentuk manuskrip serta belum diterbitkan. Pengetahuan tentang wujudnya kedua-dua syarahan ini juga memerlukan penelitian yang mendalam terhadap katalog khusus pusat manuskrip terbabit.

Menarik juga untuk dikemukakan di sini, bahawa pengaruh *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah* ini menjangkau sehingga ke alam Melayu. Kitab ini telah diterjemah dan diberi tajuk *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah*. Terjemahan ini menggabungkan dan menghubungkan semula antara tiga teks utama iaitu *Ta'īm al-Muta'allim* karya al-Zarnūjī, kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah* oleh Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī dan syarahannya oleh al-Shar‘abī. Teks terjemahan alam Melayu ini telah pun selesai disunting dan diterbitkan oleh M. Mustaqim & Mohd Anuar (2020). Bagi mengetahui secara lanjut memadaikan untuk merujuk kepada pengenalan teks dan suntingan tersebut.


BEBERAPA ASAS PEMIKIRAN PENDIDIKAN ISLAM AL-KASHGARĪ DALAM *ṬALIBAH AL-ṬALABAH*

Pada bahagian ini akan membincangkan beberapa aspek pendidikan Islam menurut pemikiran

Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī dalam kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah*. Ia mendedahkan beberapa asas utama pemikiran pendidikan Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī. Asas-asas pemikiran pendidikan beliau tentang pendidikan Islam ini amat penting dalam membantu perkembangan pendidikan Islam yang sejati bersumberkan agama Islam yang tulen yang mementingkan adab dan nilai murni di samping ilmu yang benar. Dengan ini, dua aspek utama pemikiran pendidikan Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī akan dianalisis, iaitu tentang matlamat dan tujuan belajar serta tentang ilmu dan kurikulum pendidikan.

MATLAMAT DAN TUJUAN BELAJAR

Aspek pertama yang ingin disentuh ialah perkara asas dan utama dalam pendidikan Islam iaitu tentang matlamat dan tujuan belajar. Aspek ini amat penting dalam sistem pendidikan Islam, ia akan memberi arah dalam pelaksanaan pendidikan Islam dan juga panduan kepada para pendidik merancang masa depan pendidikan Islam. Dengan mempunyai kefahaman yang jelas terdapat matlamat dan tujuan pendidikan Islam, operasi sistem dalam berjalan dengan baik dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Menyedari kepentingan aspek asas ini Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī juga menyentuh persoalan ini secara khususnya pada awal *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah* lagi. Bahkan ia menjadi tujuan utama penulisan kitab ini disebabkan beliau melihat banyak kekeliruan berlaku dalam kalangan guru dan murid. Beliau menyatakan hal ini:




العلم لما كان أعلى وسيلة وأنفس ذريعة إلى الله تعالى وإلى رضاه
أردت أن أبين طريق العلم والتعليم. لأنني رأيت كثيرا من طلاب
العلم في زماننا يحرمون النشر والعمل به وذلك لأنهم أخطأوا
طريقه وتركوا شرائطه وكل من أخطأ الطريق وضل لا ينال
المقصود قل أو جل.

Maksudnya: Ilmu merupakan setinggi-tinggi dan sebaik-baik jalan yang menyampaikan [pelajar] kepada Allah Taala dan reda-Nya, [maka] aku ingin menjelaskan cara [memperolehi] ilmu dan mengajarkannya. [Hal ini] kerana aku melihat ramai dalam kalangan pelajar pada zaman kita ini gagal menyampaikan dan mengamalkan ilmu. Gejala ini disebabkan mereka tersalah jalannya dan meninggalkan syarat-syaratnya. Setiap orang yang tersalah jalan dan tersesat tidak akan sampai ke destinasi yang ditujunya sama ada kecil atau besar [tujuannya].

Petikan di atas menjelaskan tentang tujuan penulisan kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah*, yang antara lain menyebut tentang kekeliruan berlaku dalam kalangan guru dan pelajar. Antaranya, kekeliruan dalam matlamat dan tujuan belajar menyebabkan mereka tidak sampai akan maksud sebenar belajar walaupun telah memasuki alam persekolahan. Aspek ini wajar diberi perhatian oleh pengkaji dan pendidik dewasa ini dalam usaha melihat kembali pelaksanaan pendidikan Islam

pada pelbagai peringkat dan merencana masa depan pendidikan Islam.

Mengenai matlamat dan tujuan belajar secara lebih terperinci, Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī menyatakan matlamat utama dalam belajar ialah memperoleh reda Allah SWT di samping perkara manfaat ukhrawi dan duniawi yang lain termasuklah menghilangkan kejahilan diri dan orang lain, menghidupkan agama serta mengekalkan ajaran Islam. Beliau menyatakan:




فألینو المتعلم رضا الله تعالى والدار الآخرة وإزالة الجهل عنه وعن
غيره وإحياء الدين وإبقاء الإسلام.

Maksudnya: Maka [seseorang] pelajar itu hendaklah meniatkan belajar itu [mencapai] reda Allah dan negeri Akhirat, menghilangkan kejahilan dalam dirinya dan orang lain serta menghidupkan agama dan mengekalkan [ajaran] Islam.

Petikan di atas menjelaskan matlamat utama dalam segala aktiviti pendidikan Islam yang digariskan oleh Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī. Terdapat tiga tujuan belajar iaitu pertama dan yang paling asasnya ialah mencapai reda Allah SWT. Keduanya pula untuk menghilangkan kejahilan diri sendiri seterusnya mengajarkan ilmu tersebut supaya hilang pula kejahilan pada diri orang lain. Tujuan ketiga pula ialah meneruskan ajaran Islam dan mengekalkan survival agama, hal ini disebabkan Islam merupakan sebuah agama yang berasaskan ilmu, dengan ilmu agama Islam terus subur dan kekal sehingga akhir zaman. Kesemua tujuan belajar ini merupakan tujuan belajar yang asas dan fundamental, yang tidak berubah sepanjang zaman, walaupun pelbagai inovasi dan perkembangan dalam pendidikan Islam yang dibuat.

Pada tempat yang lain pula, Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī dalam *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah* juga menjelaskan beberapa bentuk penyimpangan dalam belajar terutamanya berkaitan tujuan belajar. Penyimpangan ini amat serius kerana menatijahkan kesan yang buruk kepada pelajar dan seluruh institusi pendidikan Islam, juga yang paling teruk ia mengundang murka daripada Allah SWT. Hal ini perlu dielakkan dalam pelaksanaan pendidikan Islam masa kini dan juga masa depan. Antara kesalahan tujuan dalam belajar adalah seperti tidak ikhlas dalam belajar-mengajar, mencari populariti, bertujuan mencari manfaat dunia semata-mata dan kemuliaan di sisi pemerintah atau pentadbir. Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī menegaskan hal ini sebagaimana berikut:




ولا ينوي إقبال الناس واستجلاب حطام الدنيا ولا الكرامة عند السلطان وغيره

Maksudnya: Dan janganlah [seseorang pelajar] meniatkan [belajar bertujuan untuk] memalingkan pandangan manusia, mencari manfaat keduniaan dan kemuliaan di sisi pemerintah dan selainnya.

ILMU DAN KURIKULUM PENDIDIKAN

Aspek kedua yang juga penting dalam pemikiran pendidikan Islam Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī dalam kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah* ialah berkenaan dengan ilmu dan kurikulum pendidikan Islam. Selain tentang matlamat dan tujuan belajar, aspek ini juga diberi perhatian oleh beliau. Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī menjelaskan hal ini secara khusus dalam fasal pertama, ketiga dan keempat dalam kitab ini. Hal ini selaras dengan pandangan bahawa para pendidik perlu memahami konsep asas ilmu dan pembahagiannya dalam Islam untuk merangka konsep, perubahan dan perencanaan kurikulum pendidikan kepada para pelajar (Mohd Anuar & Che’Razi 2020).

Mengenai konsep asas ilmu, Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī menjelaskan sebelum terlibat dengan aktiviti pendidikan, pengajaran, pembangunan dan juga perancangan masa depan kurikulum pendidikan, para pendidik, guru dan pelajar sepatutnya memahami apa itu ilmu? Hal ini disebabkan ilmu merupakan perkara utama yang ingin disampaikan dalam sistem pendidikan Islam. Mengenai hal ini, Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī menjelaskan ilmu dengan dua kata kunci utama iaitu takrifan ilmu dan juga *fiqh*. Beliau memilih takrifan ilmu yang merujuk kepada ilmu sebagai salah satu sifat, yakni sifat kepada diri insan yang dikurniakan secara khusus dan istimewa berbanding segala makhluk yang lain. Oleh yang demikian, beliau menyimpulkan maksud ilmu dengan kenyataannya:



وَأَمَّا الْعِلْمُ فَهُوَ صِفَةٌ تَجَلَّى بِهَا الْمَذْكُورُ.


Maksudnya: Adapun ilmu itu maka ia merupakan sifat yang menjelaskan dengannya apa yang disebut.

Berdasarkan petikan di atas, Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī menjelaskan ilmu adalah suatu sifat. Apa yang beliau maksudkan ialah ilmu itu adalah suatu sifat yang istimewa pada diri insan. Beliau juga menyatakan bahawa ilmu adalah sifat ini berperanan menjadikan sesuatu perkara itu jelas, nyata, terang dan maklum kepada diri manusia. Oleh itu, ilmu pada pandangan Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī dalam kitabnya *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah* sebenarnya sesuatu yang nyata lagi menerangi diri insan seumpama cahaya yang menerangi sesuatu.

Menarik untuk dibincangkan dalam penelitian ini, dalam manuskrip Melayu *Tibyān al-Marām* yang merupakan karya terjemahan *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah* dalam bahasa Melayu, kalimah *yatajallā bihā al-madhkūr* itu pada teksnya ditukar kepada *yanjalī bihā liman qāmat bihi*. Setelah diteliti, mungkin penulis *Tibyān al-Marām* terkeliru atau menggunakan versi lain merujuk kepada kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah* ini. Walaupun begitu, kedua-dua varian bacaan tersebut tidak menjadi suatu percanggahan yang serius dan ia boleh diselaraskan. Kedua-dua varian ini membawa maksud hampir sama, walaupun menggunakan kalimah yang berbeza.

Setelah diselidiki lebih lanjut berkenaan takrifan ilmu yang dikemukakan oleh Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī ini dengan kedua-dua varian bacaan tersebut, menunjukkan bahawa ia bukan takrifan asing atau terencil dalam perbincangan epistemologi Islam. Takrifan ini merupakan salah satu takrifan utama yang dikemukakan oleh sarjana Islam sebelum dan selepas zaman Muḥammad al-Kāshgharī (Mohd Zaidi 2009). Bahkan, ia hampir sama dengan takrif yang dikemukakan oleh Imam Maymūn bin Muḥammad al-Nasafī (m.507H) dan Imam Sa‘ad al-Dīn Mas‘ūd bin ‘Umar al-Taftāzānī (m.793H), yang merupakan sarjana terkemuka dalam bidang akidah, epistemologi Islam dan ilmu feqah (Mohd Anuar & Che’Razi 2020). Konsep asas inilah yang harus dijadikan panduan utama dalam memahami, melaksanakan dan menilai kurikulum pendidikan Islam agar pengajaran dan perubahan dibuat selaras dengan konsep ilmu yang sebenar.

Perkara lain dalam pemikiran pendidikan Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī ialah berkaitan dengan pembahagian ilmu sebagai asas kepada penyusunan kurikulum pendidikan Islam. Menurut Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī, ilmu itu dibahagikan kepada beberapa pembahagian. Antara pembahagian utama yang dikemukakan dalam manuskrip *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-‘Ilm li Man Ṭalabah* ialah pembahagian ilmu berdasarkan *ḥāl* seseorang insan. Beliau menjelaskan:



كما يقول: العلم علم الحال وأفضل العمل حفظ الحال. فالفريضة على المسلم طلب ما يقع في حاله.

Maksudnya: Sebagaimana dikatakan: Ilmu itu ialah ilmu *hāl*, dan sebaik-baik amal [pula] ialah menjaga *hāl*. Maka kefarduan ke atas seseorang Muslim itu menuntut apa yang diperlukan berdasarkan *hāl*-nya.

Berdasarkan petikan di atas, Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī menjelaskan bahawa ilmu yang paling baik dan utama ialah ilmu *hāl*. Ilmu *hāl* yang dimaksudkan oleh beliau di sini merujuk kepada ilmu yang utama, wajib dan paling afdal dituntut oleh setiap orang Islam, lelaki mahu pun perempuan (Mohd Anuar & Che'Razi 2020). Dalam memahami pembahagian ilmu *hāl* ini, Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī menegaskan ilmu *hāl* bukan sahaja bermaksud memperoleh ilmu semata-mata secara pasif atau hanya pada dataran intelektual sahaja, malah ilmu *hāl* ini menuntut setiap insan melaksanakan ilmu tersebut dan ia diperlukan oleh seseorang secara pasti pada hal keadaannya sebagai seorang hamba Allah. Dengan kata lain, tanpa ilmu *hāl* ini sesuatu amal-ibadat itu tidak sah dan apa jua perbuatan tersebut tidak beroleh ganjaran pahala. Beliau menjelaskan lagi bahawa ilmu *hāl* ini tidak terhad kepada ilmu fiqah sahaja sebagaimana yang difahami oleh kebanyakan orang, malah ia merangkumi ilmu akidah dan juga tasawuf.

Berdasarkan penjelasan di atas, ilmu *hāl* yang dimaksudkan oleh Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī dalam manuskrip *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-'Ilm li Man Ṭalabah* ini adalah selaras dengan pandangan al-Zarnūjī (1986) dalam kitabnya *Ta'lim al-Muta'allim Ṭarīq al-Ta'allum*. Al-Zarnūjī sebelum Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī lagi telah menjelaskan pembahagian ilmu yang utama adalah berdasarkan *hāl* seseorang, malah al-Zarnūjī merupakan sarjana Islam terawal yang menggunakan istilah ilmu *hāl* ini. Menurut sarjana lain khususnya al-Ghazālī, beliau menjelaskan bahawa ilmu utama dan perlu untuk seseorang Muslim ialah ilmu Fardu Ain (al-Ghazālī 1999; Mukhlis 2007). Al-Ghazālī menggunakan istilah ilmu Fardu Ain merujuk kepada ilmu yang menjadi kewajipan kepada setiap insan secara individu ('*aynī*) yang berkuasa dan merdeka (Wan Mohd Nor 2017). Beliau seterusnya

mentakrifkan ilmu Fardu Ain adalah sebagai “ilmu tentang tata cara amal perbuatan yang wajib. Oleh itu, barang siapa yang telah mengetahui ilmu yang wajib berserta waktu wajibnya, bererti dia telah mengetahui ilmu fardu ain tersebut” (Wan Suhaimi 2019).

Oleh yang demikian, kesimpulannya takrifan ilmu *hāl* menurut Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī dalam *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-'Ilm li Man Ṭalabah* ini adalah selaras dengan apa yang telah dirumuskan oleh al-Zarnūjī dan al-Ghazālī sebelum beliau. Kelihatan Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī menjelaskan semula dan menegaskan ilmu *hāl* ini merupakan ilmu yang utama dan perlu diberi perhatian dalam kurikulum pendidikan Islam. Dengan ini, adalah sewajarnya pembahagian ilmu ini dijadikan asas dalam melaksana, menilai dan merangka kurikulum masa depan pendidikan Islam selain daripada elemen keperluan dan tuntutan semasa.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa terdapat perhatian serius sarjana Islam terhadap pendidikan Islam dengan usaha mereka menghasilkan pelbagai karya berkaitan pendidikan. Karya-karya tentang ilmu, adab dan pendidikan Islam tersebut seterusnya menjadi sumber dan warisan intelektual utama kepada pelaksanaan sistem pendidikan Islam termasuklah perancangan dan perkembangan pendidikan Islam masa hadapan. Antara salah satunya ialah kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-'Ilm li Man Ṭalabah* karya Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī dan pemikiran pendidikan beliau yang dibincangkan dalam kajian ini.

Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-'Ilm li Man Ṭalabah merupakan salah satu kitab penting dan

boleh dikatakan nadir disebabkan belum ditemui kajian yang memperkenalkan dan menganalisis tema pendidikan dalamnya. Setakat tinjauan penulis dalam beberapa repositori dan katalog utama manuskrip, hanya ditemui satu naskhah manuskrip sahaja. Manuskrip kitab ini belum pun dikaji dan diperkenalkan kepada khalayak pembaca. Ia juga tidak disenaraikan dalam kelompok karya-karya pendidikan Islam sebelum ini oleh pengkaji yang lepas. Hal ini menyebabkan *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-ʿIlm li Man Ṭalabah* ini belum didedahkan tentang sejarah kepengarangan, sejarah teks, pengaruh dan juga kandungannya khususnya tentang pendidikan Islam.

Begitu juga mengenai latar belakang Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kashgarī, tidak banyak kajian tentang beliau lebih-lebih lagi mengenai pemikiran dan falsafah pendidikan Islam, sedangkan beliau merupakan antara tokoh terkemuka pada abad ke-8H. Kajian ini mendapati ketokohan dan pemikiran beliau bukan sahaja berkembang di Kashgar, malah dilihat pengaruhnya di Mekah, Madinah, Yaman sehingga ke alam Melayu. Hal ini penting untuk melihat latar pemikiran beliau khususnya berkait rapat dengan persoalan pendidikan. Berdasarkan analisis di atas, kajian ini mengemukakan dua aspek utama yang difikirkan penting dalam pemikiran pendidikan beliau, iaitu mengenai matlamat dan tujuan belajar serta ilmu dan kurikulum pendidikan Islam. Kedua-dua aspek tersebut amat penting difahami disebabkan ia merupakan asas pemikiran dan pelaksanaan pendidikan Islam, dahulu sehingga dewasa ini. Ia juga amat relevan dalam memberi arah kepada usaha perkembangan, penambahbaikan dan perencanaan masa depan pendidikan Islam.

Dengan penulisan ini, diharapkan pemikiran dan karya al-Kashgarī ini dapat diperkenalkan dengan sewajarnya dan seterusnya membawa kepada kajian lanjutan sama ada aspek manuskrip mahu pun sejarah serta pemikiran pendidikan beliau. Dapatan ini amat bermanfaat dalam kerangka membangun pendidikan Islam masa depan yang selaras dengan tradisi dan pemikiran tokoh pendidikan Islam yang berwibawa.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan penulis di bawah peruntukan Geran Penyelidikan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2022 (PPPI/FPQS/0122/USIM/13222). Penulis merakamkan ribuan terima kasih atas inisiatif USIM yang membiayai kajian ini.

RUJUKAN

- Aḥmad ʿUthmān. 1977. *al-Taʿallum ʿinda Burhān al-Islām al-Zarnūjī*. Qāherah: Maktabah al-Anjlu al-Misriyyah.
- Aḥmad Shalabī. t.t. *Tārīkh al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*. Qāherah: Maktabah Anjlu.
- al-Bazārī, Ismāʿīl bin ʿUthmān bin Bakr bin Yūsuf. t.t. *Tafhīm al-Mutaʿfahhim Sharḥ Taʿlīm al-Mutaʿallim*. Daghestan: Dār al-Risālah.
- al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥamad. 1999. *Iḥyāʾ ʿUlūm al-Dīn*. Kaherah: Dar Fajr li al-Turath.
- Al-Kashgarī, Sadīd al-Dīn Muḥammad. 2007. *Munyah al-Muṣallī wa Ghunyah al-Mubtadī*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Al-Nasafī, ʿUmar bin Muḥammad. 1311H. *Ṭibah al-Ṭalabah*, T.T: Maṭbaʿah al-ʿĀmirah.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. 1964. *Bughyah al-Wuʿāh fī Ṭabaqāt al-Lughawīyyīn wa al-Nuḥāt*. Kaherah: ʿĪsā Babī al-Ḥalabī.
- Al-Zarnūjī, Burhān al-Dīn. 1986. *Taʿlīm al-Mutaʿallim Ṭarīq al-Taʿallum*, ed. Muṣtafā ʿĀshūr, Kaherah: Būlāq.
- Fāḍil ʿAbbās ʿAlī al-Najādī. 2012. *Ādāb al-ʿĀlim wa al-Mutaʿallim fī Turāth al-ʿArabī wa al-Islāmī*. Dimashq: Dār al-Qalam.
- Ibn Khallikan, Shams al-Din Ahmad bin Muhammad bin Abu Bakr. 1969. *Wafayat al-Aʿyan wa Anbaʾ Abnaʾ al-Zaman*, tahqiq Ihsan ʿAbbas. Beirut: Dar al-Thaqafah.
- Ismāʿīl Bāshā al-Baghdādī. 1955. *Hadiyyah al-ʿĀrifīn: Asmāʾ al-Muʿallaqīn wa Athār al-Muṣannaʿīn*. Beirut: Dār Iḥyāʾ al-Turāth al-ʿArabī.
- Khayr al-Dīn al-Zirkilī. 1999. *al-Aʿlām*. Beirut: Dār al-ʿIlm li al-Malāyīn.
- M.Mustaqim & Mohd Anuar. 2020. *Petua menuntut ilmu: Tibyān al-Marām, Menyatakan maksud Kitab Ṭalibah al-Ṭalabah dengan Bahasa Jawi*. Kuala Lumpur: PNM.
- Maymūn bin Muḥammad al-Nasafī. 2000. *Baḥr al-Kalām*. tahqiq Muḥammad Ṣālih al-Farfūr. Damshiq: Dār al-Farfūr.
- Mohd Anuar Mamat & Cheʿ Razi Jusoh. 2020. Konsep asas dan pembahagian ilmu menurut Manuskrip Melayu: Suatu Penelitian terhadap MSS 2906(B) *Tibyān al-Marām*. *AFKAR* 2: 1-44.
- Mohd Anuar Mamat. 2016. *Pemikiran Pendidikan Imam Abū Hanīfah: Kitab al-ʿĀlim wa al-Mutaʿallim*. Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM.
- Mohd Anuar Mamat. 2019. Perkembangan penulisan karya Adab Al-ʿĀlim oleh Sarjana Islam: Satu Sorotan ke Arah Penentuan Sumber kepada Etika Profesion Perguruan dalam Islam. *Jurnal al-ʿAbqari* 18: 60-80.
- Mohd Zaidi Ismail. 2009. Faham ilmu dalam Islam: Pengamatan terhadap tiga takrifan utama ilmu. *AFKAR* 10(1): 39-60.
- Mukhlis Nugraha. 2017. Konsep Ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah dan Kepentingan amalannya dalam Kurikulum Pendidikan Islam. *Jurnal TAFHIM* 10:109-114.
- Nakosteen, Mehdi. 1964. *History of Islamic Origins of Western Education A.D. 800-1350*. Boulder, Colorado: University of Colorado Press.
- Saʿad al-Dīn Masʿūd bin ʿUmar al-Taftāzānī. 1329H. *Sharḥ al-ʿAqāʾid al-Nasafīyyah*. Mesir: Matbaʿat Kurdistan al-ʿIlmiyyah.
- Sayyid Aḥmad ʿUthmān. 1988. Burhān al-Islām al-Zarnūjī wa Kitābuhū: Taʿlīm al-Mutaʿallim Ṭarīq al-Taʿallum. *Min Aʿlām al-Tarbiyyah al-ʿArabīyyah al-Islāmiyyah, Maktab al-Tarbiyyah al-ʿArabī li Duwal al-Khalīj* 3:173-189.
- Sebastian Gunther. 2005. *Ideas, Images, and the Methods of Portrayal: Insights into Classical Arabic Literature and Islam*. Leiden: Brill.

Totah, Khalil A. 1926. *The Contribution of the Arabs to Education*. New York: Teachers College, Columbia University.


Wan Mohd Nor Wan Daud. 2017. *Peranan Universiti: Pengislaman Ilmu Semasa, Penafibaratan dan Penafijajahan*. Kuala Lumpur: CASIS.

Wan Mohd Nor Wan Daud. 1998. *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of The Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC.

Wan Suhaimi Wan Abdullah. 2002. Falsafah pengajaran dan pembelajaran dalam Islam: Suatu Analisis Karya al-Zarnuji. *AFKAR* 3(1): 170-180.

Mohd Anuar bin Mamat
Faculty of Quran and Sunnah Studies
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
E-mail: anuarmamat@usim.edu.my

Lampiran



Muka Depan Manuskrip *Talibah al-Talabah fi Tariq al-'Ilm li Man Talabah*